



Pindaan Akta 127 diluluskan, denda sehingga RM10 juta

Oktober 5, 2022 @ 7:09pm
Zanariah Abd Mutalib

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat hari ini meluluskan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), yang mengenakan denda tidak kurang RM5,000 dan maksimum RM10 juta bagi kesalahan membabitkan pencemaran air, pelepasan minyak, pelepasan buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual.

Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2022 diluluskan dengan sokongan sebulat suara selepas dibahaskan ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Melalui pindaan akta itu, jumlah kompaun dinaikkan daripada RM2,000 kepada tidak lebih 50 peratus daripada jumlah penalti maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan terbabit.

Selain itu, hukuman penjara mandatori tidak lebih lima tahun boleh dikenakan bagi kesalahan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan pematuhan keperluan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

Ketika sesi penggulungan perbahasan RUU berkenaan, Tuan Ibrahim berkata, pindaan akta berkenaan adalah bagi Fasa Satu, yang memberikan fokus kepada hukuman, denda dan penalti saja.

"Pindaan Fasa Dua Akta 127 akan dibuat secara menyeluruh dan substantif serta merangkumi isu terkini. Pada masa ini, kementerian sedang memperhalusi pindaan Fasa Dua bersama pakar undang-undang dan alam sekitar.

"Draf pindaan Fasa 2 ini akan membabitkan sesi libat urus secara menyeluruh bersama pihak berkepentingan dan pemegang taruh," katanya.

Sebagai persediaan ke arah pelaksanaan pindaan itu, Tuan Ibrahim berkata, kementerian akan memastikan keupayaan sumber manusia dan kelengkapan logistik dipertingkatkan, terutama bagi meningkatkan keupayaan pasukan siasatan dan pasukan pendakwa.

"Pada masa ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai kekuatan seramai 1,132 pegawai penguatkuasa di seluruh Malaysia dan bilangan ini sememangnya tidak mencukupi bagi menangani kes pencemaran alam sekitar yang semakin meningkat dan mencabar.

"Kementerian sedang meneliti keperluan pertambahan perjawatan bagi mewujudkan pejabat cawangan JAS di setiap daerah di seluruh negara," katanya.

Ketika membacakan RUU berkenaan untuk bacaan kali kedua, Tuan Ibrahim memaklumkan, penalti sehingga maksimum RM10 juta itu dicadangkan, mengambil kira kos pembersihan yang tinggi apabila berlakunya pencemaran membabitkan kesalahan terbabit.

"Sebagai contoh, insiden pencemaran Sungai Kim Kim pada Mac 2019 membabitkan kos pembersihan sungai dan pelupusan buangan terjadual sebanyak RM6.4 juta.

"Selain itu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) membelanjakan RM10 juta sepanjang 2016 hingga 2020 bagi menjalankan aktiviti pembersihan sungai akibat pencemaran.

"Pencemaran alam sekitar ini tidak hanya mengancam keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat, malah turut menjejaskan kelangsungan aktiviti ekonomi negara," katanya.

Mengenai penjara mandatori, beliau berkata, akta sedia ada tidak menetapkan hukuman itu.

"Justeru, pindaan ini penting bagi membolehkan hukuman yang lebih tegas dikenakan kepada pesalah dan penjenayah alam sekitar," katanya.